



## **Kenyataan Media**

### **MCMC MAKLUM, HORMAT KEPUTUSAN KES TELEGRAM**

**CYBERJAYA, 11 September 2025** – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengambil maklum dan menghormati keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hari ini berhubung permohonan MCMC untuk mendapatkan perintah injunksi sementara dalam kes sivil melibatkan pihak Telegram.

Melalui keputusan tersebut, Mahkamah telah mengeluarkan perintah injunksi larangan sementara (*interim prohibitory injunction*) yang melarang pihak defendan termasuk pentadbir akaun Edisi Siasat, Edisi Khas, serta pihak Telegram daripada menerbitkan, menyebarkan atau mengulang siar kandungan yang dipertikaikan sebagaimana dinyatakan dalam tuntutan MCMC.

Keputusan ini selaras dengan peranan MCMC di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) untuk melindungi kepentingan pengguna dan memastikan platform digital tidak disalahgunakan.

MCMC akan terus memantau pematuhan terhadap perintah ini, manakala isu-isu lain yang terkandung dalam tindakan undang-undang akan diputuskan pada perbincangan penuh kelak.

MCMC kekal komited untuk memastikan ruang digital di Malaysia lebih selamat agar rakyat tidak terdedah kepada penipuan, kandungan berbahaya dan ancaman penyalahgunaan.

**KOMUNIKASI KORPORAT MCMC**